

05/09/2000

Generasi muda perlu utamakan negara: Mahathir

Mior Kamarul Shahid in Chicago

CHICAGO, Isnin - "Malaysia adalah warisan kita. Kalau kita rosakkannya, maka kita akan terima warisan yang tidak berguna," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berucap pada majlis temu mesra dengan kira-kira 350 pelajar Malaysia di Amerika Syarikat di Rosemont, Illinois dekat sini hari ini, Perdana Menteri meminta setiap generasi muda terutama pelajar memikirkan masa depan negara dan rakyat kerana merekalah bertanggungjawab nanti.

"Masa depan negara akan diwarisi oleh rakyat kita sendiri - rakyat Malaysia. Ini negara kita. Kalau kita sendiri tidak menyelamatkan negara kita, siapa lagi," tegasnya.

Beliau membangkitkan perkara itu ketika menimbulkan tindakan sesetengah pihak yang bukan saja tidak menghargai kemerdekaan negara sebaliknya berusaha menghancurkan keamanan dan keselamatan negara.

Sambil memberikan contoh kumpulan Al-Ma'unah sanggup merompak dan membunuh untuk menjatuhkan kerajaan, Dr Mahathir menegaskan tiada siapa terkecuali daripada tindakan undang-undang jika mereka melakukan kesalahan walaupun mereka mempunyai kedudukan tinggi.

"Sebelum ini pun sudah ada beberapa pemimpin yang dihukum kerana melakukan kesalahan. Umno, parti yang memerintah dengan kira-kira dua juta ahli, pernah diisytiharkan sebagai pertubuhan yang tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.

"Baru-baru ini pula, tujuh laporan yang dikemukakan oleh kerajaan berikutan perjalanan pilihan raya, ditolak. Ini terpaksa diterima kerana ia adalah keputusan mahkamah," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat sedar mengenai perkara itu, tidak akan ada lagi tindakan yang bertentangan dengan hasrat rakyat yang boleh menghancurkan negara.

Bagi pelajar di luar negara, katanya, apabila kembali ke tanah air, mereka hendaklah menyambung usaha yang sudah dilaksanakan untuk membangunkan negara.

Dr Mahathir mengingatkan, dalam era ledakan maklumat dan globalisasi sekarang, banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi. Walaupun Malaysia sebuah negara kecil, segala teknologi baru perlu dipelajari kerana ia adalah tuntutan masa depan negara.

"Janganlah rosakkan negara kita kerana tidak mampu menangkis usaha orang lain yang mahu menguasai negara kita.

"Hargailah kemerdekaan negara supaya kita mewarisi sebuah negara yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain di samping maruah kita terus terpelihara dan dihormati oleh seluruh dunia.

"Inilah negara yang akan diwarisi oleh saudara saudari. Selepas kembali dengan kelulusan teruskan usaha membangunkan negara supaya dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara maju yang setaraf dengan negara maju lain," katanya.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad. Hari ini adalah hari terakhir lawatan Dr Mahathir ke Chicago.

Malam ini beliau berlepas ke New York untuk menghadiri sidang puncak khas negara-negara Kumpulan 77 (G-77), Rabu ini.

(END)